

‘PM jawab isu DNAA Zahid hari ini di Dewan Rakyat’

Azalina jangka sesi berlangsung pada jam 2.30 hingga 3.30 petang

Oleh Farah Marshita Abdul Patah farahmarshita@bh.com.my

Kuala Lumpur: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, akan menjawab segala persoalan mengenai keputusan melepaskan tanpa membebaskan (DNAA) Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi, di Dewan Rakyat, hari ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said, memaklumkan perkara itu ketika menjawab pertanyaan Datuk Seri Takiyuddin Hassan (PN-Kota Bharu) sama ada Perdana Menteri akan menjawab mengenai isu keputusan DNAA terhadap Presiden UMNO.

Beliau berkata, sesi itu berkemungkinan berlangsung pada jam 2.30 hingga jam 3.30 petang.

“Perdana Menteri akan menjawab sebab tuan badan (Anwar)

ada di sini, bagi (isyarat) tangan *good* itu dia (Anwar) akan jawab esok (hari ini).

“Jadi, soalan itu boleh tanya kepada Perdana Menteri, tetapi komitmen daripada kita adalah kita akan menentukan bahawa kita perlu berlaku adil,” katanya ketika Anwar memasuki Dewan Rakyat.

Terdahulu, Takiyuddin bertanyakan sama ada Anwar akan menjawab di Dewan Rakyat, berhubung isu DNAA yang dipohon pihak pendakwaan terhadap Ahmad Zahid ketika prosiding pada peringkat bela diri daripada 47 pertuduhan pecah amanah, rasuah dan pengubahan wang haram milik Yayasan Akalbudi di Dewan Rakyat.

Dasar RUU pendanaan politik

Dalam perkembangan yang berasingan, Azalina berkata, Kabinet bersetuju supaya skop dasar Rang Undang-Undang (RUU) berkaitan pendanaan politik dirujuk kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Hak Asasi Manusia, Pilihan Raya dan Reformasi Institusi.

Katanya, perkara itu diangkat untuk pertimbangan Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tan Sri Johari Abdul, pada 13 September lalu.

Beliau berkata, ada tujuh per-

timbangan ketetapan dasar yang berkaitan RUU pendanaan politik antaranya bagi mewujudkan undang-undang baharu bagi mengawal selia sumbangan politik.

“Peranan pengawalseliaan dilaksanakan oleh sebuah badan berkanun Persekutuan sebagai entiti bebas dan berkecuali dan bagi membolehkan pengawalan sumbangan politik dibuat sepanjang masa dan bukan ketika pilihan raya sahaja.

“Pertimbangan lain juga bagi mengawal selia sumbangan politik yang diterima parti politik, ahli, calon pilihan raya (termasuk calon bebas) dan ejen pilihan raya,” katanya.

Azalina berkata, pertimbangan itu juga supaya sumbangan politik dalam apa jua bentuk daripada entiti luar negara tidak dibenarkan.

“Selain itu, pertimbangannya supaya terdapat penetapan berhubung jumlah sumbangan yang dibenarkan dan perlu diisytihar oleh parti atau ahli politik individu.

“Bagi sumbangan politik yang diterima oleh parti politik, ahli atau calon bebas pilihan raya, sumbangan hendaklah dimasukkan ke dalam suatu akaun khas yang diwujudkan hanya untuk sumbangan politik,” katanya